NMK : Jika tuan perlu memilih antara drama dan filem, yang manakah menjadi pilihan dahulu?

TAI : Filem. Filem adalah satu benda yang utama, benda yang paling besar. Misal nya

you [awak] ada masa sebab satu filem, digarap dalam masa yang lama. Di mana kita ada masa untuk bermain dengan watak, dengan kita punya karya *lah* [tabiat percakapan]. Dalam masa yang sama juga, filem ada bajet yang besar untuk kita buat benda yang lebih bagus. Benda yang kita tidak boleh buat dekat drama, kita selalu mahu buat *kat* [dekat] filem. Sebab drama kita, bajet sangat kecil. Dan kemudian, filem pula kita kena buat sesuatu yang lebih untuk memancing orang ke pawagam. Sebab itulah pendapatan-pendapatan yang kita perlu cari. Orang tidak ke pawagam, bermakna filem itu tidak lakulah.

NMK : Menurut Tuan, adakah penting untuk seseorang anak seni menjaga penampilannya?

TAI : Memang penting. Bukan kata anak seni saja, semua orang kena jaga penampilan. Kalau *korang* [awak semua] *as a student* [sebagai seorang pelajar] tidak menjaga penampilan tiba-tiba bogel pergi kelas pun tidak boleh juga *kan* [tabiat percakapan]. Semua orang kena jaga penampilan, kerana penampilan itu bukan hanya pada artis saja. Cuma bezanya artis ini dia kena lebih sedikit kerana setiap pergerakkannya diperhatikan, lebih-lebih lagi sekarang dalam dunia siber ini, instagram ke apa semua sekejap saja. Jadi cuma kita ada satu tanggungjawab sosial, anak seni ini dia ada satu tanggungjawab sosial yang tidak rasmi. Sebenarnya semua anak seni yang dikatakan tokoh awam anak seni ini ada tanggungjawab sosial kerana *dorang* [mereka semua] ini, kadang-kadang kita tidak tahu anak-anak muda ingin jadikan ikon, jadikan macam saya ingin jadi macam dia. Sedangkan kita sebagai artis tidak tahu yang budak itu ingin

jadi macam kita. Jadi kita kena ambil satu langkah, di mana kita harus tahu bahawa jika kita ingin jadi anak seni, awak kena tahu bahawa dia ada juga tanggungjawab sosial, dia tidak boleh bebas kerana di saat awak jadi anak seni, awak telah hilang satu nikmat yang tuhan telah bagi kepada manusia lain iaitu kebebasan. Awak hilang privasi, macam inilah *kan* [tabiat percakapan] awak hilang privasi. Kalau tidak ada privasi lagi awak *nak* [hendak] duduk tepi longkang ke, *nak* [hendak] pergi mana *tapi* [tetapi] sekarang sudah tidak boleh.

NMK : Apakah petua Tuan untuk mengekalkan penampilan diri?

TAI : Saya selalu mengatakan bahawa senang saja. Yang pentingnya selalu pergi botox, *lepas tu* [selepas itu] buat suntikkan vitamin saya rasa, buat pembedahan plastik. Yang itu kemahiran kena pergi buat gigi, pergi buat hidung, pergi buat dagu, itu kena buat penampilan diri. Iklan, itu iklan botox (ketawa). Bagi saya senang sahaja, hanya jujur dengan diri kita, jadi diri sendiri, jujur dengan diri kita dan kita kena tahu tanggungjawab. Ramai anak seni hari ini dia tidak perasan akan tanggungjawab sosial yang tersembunyi itu. Kalau awak tahu, nescaya setiap langkah, awak akan berhati-hati. Sebab awak tidak boleh buat apa, *you* [awak] tidak boleh marahkan orang sekeliling *you* [awak]. Kerana awak yang memilih untuk menjadi anak seni. Macam saya cakaplah *the moments you* [saat-saat awak] jadi anak seni, satu nikmat tuhan *you* [awak] telah hilang.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA- BIDANG PENGARAHAN

NMK : Kami difahamkan selain menceburi bidang lakonan, tuan juga menceburi bidang pengarahan, apakah ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi seorang pengarah?

TAI : Satu yang utama ialah menjadi pengarah ini saya rasa dia lebih kepada minat, dan kemudian kita kena tahu matlamat kita. Sebab bagi saya, pengarahan itu satu langkah ke depan selepas saya menjadi seorang pelakon. Saya harus ada anjakan sebab kita tahu sebagai seorang pelakon, kita tidak akan ke mana-mana. Sehari ini kita boleh popular, esok kita boleh tidak popular. Saya selalu cakap dekat pelakon-pelakon saya, saat-saat *you* [awak] melangkah kaki untuk menjadi pelakon, dalam masa yang sama, *you* [awak] juga kena rancang macam mana *you* [awak] *nak* [hendak] melangkah keluar sebagai pelakon (minum teh). Jadi pengarahan itu satu langkah (letak cawan) seterusnya dalam karya saya sebagai anak seni.

NMK : Bagaimanakah Tuan boleh berkecimpung dalam bidang pengarahan ini?

TAI : Minat (bunyi tarik kerusi). Daripada saya bermula dengan berlakon, *lepas tu* [selepas itu] bila saya tengok peluang, saya cuba cabar diri saya serba sedikit mengarah. Dan Alhamdulillah dengan sokongan, masa ketika itu saya mendapat sokongan yang bagus daripada Kuasatek Pictures, yang mana saya banyak berlakon dengan *dorang* [mereka semua]. Penerbitnya Mohd Noor Kadir yang banyak mendorong saya dan memberi sokongan kepada saya dan berkata yang

saya boleh mengarah apa semua dan minat itu memang *dah* [sudah] ada. Jadi saya *true feel* [rasa benar] *lah* [tabiat percakapan] daripada pengalaman berlakon, masa tengah berlakon jadi saya sedikit-sedikit saya menimba pengalaman untuk menyiapkan diri menjadi seorang pengarah.

NMK : Apakah filem pertama yang Tuan arahkan?

TAI : Tadi yang saya cakap Mr.Cinderella.

NMK : Pada tahun berapa?

TAI : Yang *tu* [itu] awak kena google *lah* [tabiat percakapan], saya *tak* [tidak] ingat *dah* [sudah] *dua ribu* [2000] ke *dua ribu satu* [2001]. Saya *can't remember* [tidak ingat]. Awak kena *check* [semak] sama ada dekat *Finas website* [laman web Finas] ada semua.

NMK : Selain daripada mengarah filem tersebut, adakah tuan terlibat secara langsung dalam melakonkan filem ni?

TAI : Masa *tu* [itu] *empat puluh lima* [45] hari. Yang *tu* [itu] saya ingat lagi *empat puluh lima* [45] hari pada *first time* [kali pertama] nya.

NMK : Selain mengarahkan filem tersebut, berapakah jumlah filem yang Tuan arahkan?

TAI : Yang *tu* [itu] awak kena tengok. Saya pun *tak* [tidak] ingat *tiga puluh* [30] ke

tiga puluh dua [32] ke *tiga puluh satu* [31] something like that [lebih kurang macam itu lah]. Nanti awak tengok dalam saya punya profil.

NMK : Selain daripada mengarahkan filem, kami difahamkan Tuan juga mengarahkan beberapa buah drama. Apakah drama pertama yang Tuan arahkan?

TAI : Drama pertama yang saya arahkan sepenuhnya lah sebuah telemovie raya. Nama dia Berakhirnya Sebuah Ramadhan, terbitan Kuasatek Pictures *jugak* [juga] lah.

NMK : Siapakah yang membintangi drama tersebut?

TAI : Nasha Aziz dengan Arash Mohamad (bunyi loceng) saya ingat lagi.

NMK : Berapa banyak drama yang telah Tuan arahkan?

TAI : *Tak* [Tidak] ingat *dik* [adik]. Itu memang *tak* [tidak] ingat. Saya *tak* [tidak] tahulah kata ratus *dah* [sudah] kot. Saya mula mengarah dari *Sembilan belas Sembilan puluh Sembilan* [1999] *dua ribu* [2000] saya *start* [mula] mengarah.

NMK : Berapa lamakah Tuan melibatkan diri dalam bidang pengarahan?

TAI : Dah [sudah] *dua belas* [12] tahun dah [sudah], *lapan belas tahun* [18], *sembilan puluh enam* [1996] lebih kurang.

NMK : Apakah cabaran yang Tuan tempuh sepanjang melibatkan diri dalam bidang pengarahan?

TAI : Cabaran yang selalunya, benda *ni* [ini] konsisten *tau* [tahu]. Cabarannya adalah untuk mendapat, selalunya kita bila pengarah, cabaran yang utama yang kita akan dapat ialah sama ada orang akan tengok ke *tak* [tidak] cerita itu. Itu yang utama. Yang keduanya ialah apabila kita *nak* [hendak] mengarah *jugak* [juga] cabaran kita adalah kita *nak* [hendak] *conduct* [menjalankan] set kita dan kita *nak* [hendak] cabaran kita juga untuk mendapat artis yang kita *nak* [hendak] pun cabaran *jugak* [juga]. Kurang bajet, duit, cabaran duit. Dia banyak lah, nak [hendak] jadi pengarah *ni* [ini] sebenarnya bukan satu cabaran *lah* [tabiat percakapan], benda *ni* [ini] adalah normal, apa-apa pun ada. Tapi kalau *you* [awak] letak sebagai cabaran, saya boleh katakan bahawa cabaran itu lebih kepada untuk menghasilkan satu karya yang orang akan tengok, yang orang akan *appreciate* [menghargai] sebab bagi kita, filem itu harus ditonton. Kalau kita buat satu filem, yang kita kata bagus *tapi* [tetapi] *takde* [tiada] orang tonton macam mana kita *nak* [hendak] *justify* [mewajarkan] *kan* [tabiat percakapan] sebuah filem *tu* [itu] bahawa filem itu adalah satu filem yang baik. Sebab hari ini kalau kita tengok ramai yang cuba menidakkannya filem yang banyak-banyak *underground* [dari bawah] kan. Sebab filem dia *tak* [tidak] laku, dia kata orang *tak* [tidak] faham dia punya *tu* [itu]. Jadi macam mana *you* [awak] *nak* [hendak] kata filem *you* [awak] bagus sedangkan orang *tak* [tidak] faham. Sebab *at the end you* [pada akhirnya awak] buat filem untuk siapa? *You* [awak] buat filem untuk siapa? Untuk penonton kan? Ni kalau penonton *tak* [tidak] masuk

macam mana *you* [awak] *nak* [hendak] kata filem *you* [awak] bagus.

NMK : Diantara lakonan dan pengarahan, yang manakah lebih menyeronokkan?

TAI : Saya sebenarnya ada ketika nya pengarahan *best* [terbaik], ada ketika nya lakonan *best* [terbaik]. Sebab saya macam bila ada dua-dua *ni* [ini]. Ada ketika bila *jammed* [tersekat] kan, ada pengarah turun berlakon. Saja seronok-seronok, apa semua kan. Saya tidak ada ucap kata daripada *band* [kumpulan] *la* [tabiat percakapan]. Dua-dua adalah saya punya *profession* [kerjaya]. Tapi ada ketika dan saatnya *moments* [detik-detik] dia saya *switch* [menukar].

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: KERJAYA- BIDANG PENERBITAN

NM : Selain daripada pengarah, kami dapat tahu tuan juga seorang penerbit.

Bolehkah tuan terangkan serba sedikit bidang tugas tuan dalam bidang ini?

TAI : Penerbit ialah penerbit. Penerbit, penerbit *ok* [tabiat percakapan]. Menjadi seorang penerbit dalam bidang industri ini adalah dia punya *ultimate tours* [lawatan muktamad] lah. Itulah penghujung dia dalam bidang industri kerana dia *dah* [sudah] pergi kepada bisnes. Bila *dah* [sudah] jadi penerbit kena hadapi kepada bisnes. Tugas penerbit adalah untuk mencari apa *ni* [ini] peluang untuk menerbit lahir di kaca *TV* (televisyen), dalam masa yang sama *jugak* [juga] dalam mencari penerbit filem sebagai satu ruang untuk satu perniagaan yang berisiko tinggi. Tetapi orang juga harus tahu apabila, bahawa kita melahirkan ramai penerbit, dia akan wujudkan satu ekosistem yang apa *ni* [ini] (berfikir) peluang pekerjaan di dalam industri ini. Lagi ramai penerbit yang lahir maka lagi banyaklah peluang pekerjaan yang akan ditawarkan disitu kerana naik bangun sesebuah industri itu, kita boleh tengok daripada penerbit-penerbit yang ada disitu. Lebih ramai orang yang jadi penerbit maknanya industri itu, lebih banyaklah peluang untuk perniagaan disitu, maka lebih banyaklah peluang untuk pekerjaan dekat situ.

NM : Bagaimana bermulanya tuan menceburkan diri dalam bidang penerbitan ini?

TAI : (Bunyi cawan) bagaimana mula (berfikir)? Apabila ketika saya *dah tak* [sudah

tidak] ada duit la (ketawa). Ok [tabiat percakapan], bagi saya *goal* [matlamat] *nak* [hendak] menjadi penerbit itu memang daripada awal lagi, apabila jadi pelakon pun. Kita kalau *nak* [hendak] sesuatu benda kita kena tahu *aim* [tujuan] paling tinggi dia ke mana. Seperti macam *you* [awak] kerja, daripada *you* [awak] jadi pegawai bawah satu hari, *you* [awak] *nak* [hendak] jadi *manager* [pengurus] atau *you* [awak] *nak* [hendak] jadi CEO itu paling tinggi. So (Jadi), dalam perjalanan ke situ, *you* [awak] kena timbul macam mana *nak* [hendak] cari pengalaman dia *kan* [tabiat percakapan]. Jadi macam saya, bagi saya penerbit semua *ni* [ini] memang *goal* [matlamat] daripada awal baru *nak* [hendak] jadi penerbit. Apabila, dan saya menu buhkan syarikat saya pada tahun *dua ribu* [2000], masa ketika itu saya masih lagi mengarah, masih lagi berlakon. Sambil mengarah, sambil berlakon, sambil menerbit jadi *jugak* [juga], kerana bila menerbit dia memerlukan *funding* [pembiayaan] yang besar. So [Jadi], pada diri saya, apabila saya *dah* [sudah] kukuh kewangan, *dah* [sudah] mampu dan dalam masa yang sama dapat kepercayaan *pulak* [pula] daripada stesen *TV* (televisyen) untuk memberi sentuhan kepada saya dan saya kata *ok lah* [tabiat percakapan] saya *berdikit-dikitlah* [beransur-ansur], saya *tak* [tidak] menjadi seorang penerbit yang terus keluar (*bunyi loceng*) dengan kejayaan yang besar, saya *start* [mula] *sikit-sikit* [sedikit-sedikit]. *Sikit-sikit* [sedikit-sedikit] saya *start* [mula].

- NM : Boleh tuan ceritakan serba sedikit tentang pengkhususan rancangan berbentuk apakah yang tuan diterbitkan?
- TAI : Dia apa *ni* [ini] yang saya *for tale* [untuk cerita] *lah* [tabiat percakapan] setiap

kali kalau stesen-stesen *TV* [televisyen] macam cerita-cerita awal dulu, mereka *nak* [hendak] apa *ni* [ini], lebih kepada aksi. Sebab *tu* [itu] kalau tengok, aksi adalah *general-general* [biasa-biasa], yang kalau dekat Excellent Pictures seperti itu *general-general* [biasa-biasa] aksi. Dan yang keduanya adalah *horror* [seram] dan yang ketiga nya ialah *love story* [kisah cinta]. Sebab *love story* [kisah cinta] semua orang boleh buat jadi saya punya kepakaran, saya punya benda yang kalau stesen *TV* [televisyen] panggil saya, dia memang akan bagi saya aksi. Dia tahu saya punya *kat* [dekat] situ kepakaran dan penghususan.

NM : Apakah rancangan pertama yang diterbitkan oleh Tuan?

TAI : Sebuah cerekrama seingat di TV3 bertajuk Oh Khadijah lakonan Azhar Sulaiman dan Sharifah Norhaslinda.

NM : Boleh kami tahu, berapa banyak rancangan-rancangan *TV* [Televisyen] yang telah tuan terbitkan?

TAI : (Terkejut). Macam mana saya *nak* [hendak] cakap kan. Sebanyak mana saya berlakon sebanyak *tu* [itu] lah saya terbitlah. Kalau episod *tu* [itu] *tak* [tidak] tahu berapa ribu *series* [siri] *dah* [sudah]. Kalau drama *tu* [itu] saya rasa *dah* [sudah] mencecah seratus *tu* [itu] kalau *tak* [tidak] silap.

NM : Idola tuan dalam bidang penerbitan ni (ini)?

TAI : Dalam penerbitan *ni* [ini], *nak* [hendak] kata idola. Idola. Saya selalu meletakkan Datuk Yusof Haslam sebagai satu ikon seorang penerbit *la* [tabiat

percakapan]. Sebab bagi saya ketika saya mencebur dalam industri *ni* [ini], dia yang paling berjaya. Saya akan selalu melihat pada orang yang paling berjaya, kerana bagi saya selalu letak satu semangat kalau orang boleh berjaya kenapa kita tidak boleh berjaya. Jadi saya selalu letakkan Datuk Yusof Haslam sebagai saya punya apa *ni* [ini] garis panduan saya *la* [tabiat percakapan] kan.

NM : **Bagaimana hubungan tuan dengan artis sebagai penerbit?**

TAI : Artis semua *nak* [hendak] berkawan dengan saya. Sebab artis tahu saya iklan-iklan (ketawa). Hubungan, kita harus buat peruntukan saya, apa *ni* [ini] saya *simple* (senang), *as a* [sebagai] penerbit kita kena apa *ni* [ini] kita dengan siapa artis *je* [tabiat percakapan] kita tiada masalah tetapi kita akan bermasalah kalau artis *tu* [itu] yang bermasalah, *especially* [terutamanya] apabila kita menyentuh tentang disiplin *kan* [tabiat percakapan]. Kita sebagai penerbit selalunya hubungan dengan artis akan jadi masalah apabila disiplin artis itu apa *ni tak* [ini tidak] bagus. Selalunya itulah masalah utama kita *kan* [tabiat percakapan]. Tapi kalau setakat artis yang biasa yang *TV* [televisyen] stesen, benda *ni* [ini] normal, biasa dia *takde* [tidak ada] benda yang *extraordinary* [yang luar biasa]. Sebagai penerbit kita *offer you* [menawarkan awak] bakal pelakon kalau *you* [awak] artis *nak* [hendak] ambil, ambilah. Kalau *tak nak* [tidak hendak] kita pun *tak leh* [tidak boleh] paksa, cari artis lain. Dia *straight forward* [lurus ke hadapan] dia *takde* [tidak ada] *complicated* [rumit] sangat.

NM : Sebagai seorang penerbit, apakah yang perlu ada pada sebuah rancangan yang boleh menarik minat penonton?

TAI : *Ok* [tabiat percakapan], sebagai penerbit, untuk menarik minat penonton macam saya cakaplah, kita *tak* [tidak] boleh letak bahawa apa kita apa *ni* [ini] semua kita *nak* [hendak] buat *nak* [hendak] puaskan hati semua orang. Sebab *tu* [itu] saya kata menarik minat penonton *tu* [itu] kita kena tahu (bunyi kerusi) penonton yang macam mana. Kita *tak* [tidak] boleh macam menarik minat penonton, nanti orang ingat bahawa bila setengah orang rasa *I* [saya] *tak* [tidak] minat pun cerita *ni* [ini], dia *dah* [sudah] rasa semua orang *tak* [tidak] minat sedangkan tiga juta orang yang minat, dia *sorang je* [seorang sahaja] yang *tak* [tidak] minat. Jadi bagi saya susah sebab macam mana apa, macam mana *nak* [hendak] menarik minat penonton tapi kita harus tahu megkaji target penonton. Sebagai penerbit bukan isu macam mana *nak* [hendak] menarik minat penonton tetapi apabila kita *nak* [hendak] menerbit *tu* [itu] kita kena lebih faham, lebih tahu dan lebih apa *ni* [ini] pakar dalam menyelami target penonton kita. Sebab *tu* [itu], kalau kita tengok di kaca *TV* [televisyen], kita ada slot, slot petang, slot malam, slot tengah malam, slot pagi, slot tengahari sebab semua slot-slot itu ada *target audience* [sasaran] sendiri (bunyi kerusi). Dia lebih kena tahu *target audience* [sasaran]. Dan kalau kita tahu *target audience* [sasaran] *tu* [itu] dan cerita *tu* [itu], kita tahu *lah* [tabiat percakapan] *nak* [hendak] belai *audience* [penonton] *tu* [itu] macam mana.

- NM : **Ciri-ciri yang perlu ada pada seorang penerbit?**
- TAI : Ciri-ciri dia. Satu dia harus ada kewangan yang kukuh (ketawa). Itu pertama. Yang kedua nya apa *ni* [ini] bagi saya ok, sebenarnya hari *ni* [ini] kalau kita tengok, kebanyakan penerbit-penerbit yang mana kalau kita tengok, bukan nak [hendak] kata apa la, kalau setakat penerbit yang tidak tahu industri secara dalam atau penerbit yang tidak mula duduk dalam industri, kalau kita tengok dia sekadar boleh menerbit tetapi dia tidak boleh menyelami lagi penerbitan. Pasal kalau kita tengok semua *top-top* [atas] penerbit yang ada dekat dalam industri hari ini filem, *box-box* [kotak] filem atau drama pun, semua kebanyakan penerbit *tu* [itu] *background* [latarbelakang] dia *tu* [itu] mesti anak seni. Kebanyakan *the top-top five* [lima teratas] penerbit yang ada *ni* [ini], kebanyakan mereka *ni* [ini] pengalaman dalam bidang seni pun meluas. Sebab *tu* [itu] *you* [awak] boleh tengok *you* [awak] boleh tengok Datuk Yusof Haslam, Rosyam Nor, KRU, *you* [awak] tengok *all this* [semua ini]. *All the top-top* [semua yang teratas] yang biasa menerbitkan. Memang ada yang bukan daripada *tu* [itu] tetapi *ratio* [nisbah] yang menyerlah lebih, adalah mereka yang lebih menyelami tahu, faham pasal industri ini. Jadi penerbit saya selalu cakap, kalau *you* [awak] nak [hendak] masuk *ni* [ini] *you* [awak] kena *at least you* [sekurang-kurangnya] kena ada satu *partner* [rakan kongsi] ataupun satu orang yang fasih dalam industri *ni* [ini] untuk menimbulkan *company you* [syarikat awak]. Kalau *tak* [tidak] *you* [awak] *tak* [tidak] boleh buat. Kerana hari *ni* [ini], syarikat, stesen *TV* [televisyen] kalau nak [hendak] bagi projek, kalau orang *nak* [hendak] tengok (bunyi batuk) dia bukan peduli hak syarikat *tu* [itu] nama siapa. Dia *nak*

[hendak] tahu siapa yang mengarah, siapa yang menerbit cerita *tu* [itu]. Orang lebih *nak* [hendak] tahu karya, sebab *you* [awak] cakap pasal karya, orang *nak* [hendak] sentuhan, dia bukan peduli syarikat ke apa pun, dia *tak* [tidak] peduli. Dia akan lebih tahu siapa yang lebih menyentuh, siapa yang menerbitkan.

NM : Pengalaman yang paling berharga sepanjang penglibatan tuan dalam bidang penerbitan

TAI : Pengalaman yang paling *best* [bagus] ialah apabila filem kita ditayangkan (bunyi kerusi) mendapat sambutan yang begitu hangat. Pengalaman *best* [bagus] (bunyi batuk). Itu bagi saya itu satu kepuasan sebab kita buat filem kita *tak* [tidak] tahu akan laku ke tidak laku kan. Apabila kita *keep the market, and then suddenly market* [menyimpan pasaran, dan kemudian tiba-tiba pasaran] jadi meletup katakan, itu adalah satu pengalaman yang *tak* [tidak] ada orang boleh bayangkan, *tak* [tidak] ada orang boleh cakap dan merasainya melainkan *you* [awak] sendiri mengambil risiko itu. Kalau *you* [awak] *tak* [tidak] pernah keluar duit *you* [awak] sendiri, *you* [awak] *tak* [tidak] pernah merasai apa *ni* [ini] orang kata dia punya *pressure* [tekanan] untuk mengeluarkan duit dan menerbit sebuah filem, dia *tak* [tidak] akan tahu nikmat dia apabila filem *you* [awak] di tonton ramai. Itu nikmat dia. Kalau *tak* [tidak] tonton itu parah (ketawa).

NM : Cabaran yang perlu dihadapi dalam menerbitkan sesebuah rancangan?

TAI : Cabaran, selalunya cabaran dia lebih kepada untuk menyelami satu karya *tu* [itu] la menerbit. Satu, *of course* [sudah tentu] *la* [tabiat percakapan] kalau TV

[televisyen] stesen adalah *you* [awak] kena faham dan *you* [awak] kena dapatkan slot dalam *TV* [Televisyen]. *You* [awak] kena tahu *TV station* [stesen televisyen] *you* [awak] kena cari idea dimana *TV station* [stesen televisyen] *nak* [hendak] beli idea *you* [awak]. Kalau *tak* [tidak] dia *tak* [tidak] akan beli. Filem *pulak* [pula] kalau filem *pulak* [pula] *you* [awak] menerbitkan filem *you* [awak] kena cari satu cabarannya adalah macam mana *nak* [hendak] mencari satu karya yang boleh memancing penonton ke pawagam. *That is business* [Itulah perniagaan]. *Tapi* [Tetapi] kalau penerbit yang suka main festival, mencari satu karya, macam mana *nak* [hendak] menang festival. Itu satu cabaran nya nanti. Ada bergantung, ia bergantung sebagai penerbit *ni* [ini] adalah *business* [perniagaan]. *Business* [Perniagaan] adalah syarikat yang dalam kita menggerakkan syarikat, kita kena ada kita punya *business module* [modul perniagaan]. *So* [Jadi], setiap penerbit dia ada *business module* [modul perniagaan] dia sendiri apa *business module* [modul perniagaan] *tu* [itu] atas penerbit.

- NM : Apakah perkembangan terbaru atau rancangan-rancangan terbaru yang akan diterbitkan?
- TAI : *Okey* [tabiat percakapan]. *TV for the timing* [untuk masa yang], tahun *ni* [ini] lah, *Excellent Pictures* *ni* [ini] saya *hold* [tahan] sekejap, pasal saya ada dalam *tiga* [3] filem lagi yang belum ditayangkan. *Satu* [1], *Hantu Nan Sempit horror* [seram] komedi akan masuk bulan enam *ni* [ini]. Selepas *tu* [itu] saya ada satu skandal punya *movie* [filem] Aaron Aziz, Maya Karin, dengan Fazura tajuk dia Tembus dengan saya ada satu *action* [aksi] komedi Aaron dengan Nabil dalam

proses suntingan. So [Jadi], kita ada *tiga* [3] filem akan *nak* [hendak] keluarkan untuk tahun ini.

NM : **Boleh tuan ceritakan sedikit, tentang bagaimana proses permulaan untuk menerbitkan sesebuah rancangan?**

TAI : Sebelum menerbit *you have, to have idea itself* [anda mempunyai, mempunyai idea sendiri]. Ia bermula dengan idea ataupun bermula dengan satu sinopsis ataupun boleh bermula dengan sebuah skrip. Maknanya kena ada cerita. *Then* [Kemudian], *from there* [dari situ], baru *you* [awak] tahu apa *you* [awak] *nak* [hendak] buat. Dengan *tu* [itu] baru *you* [awak] boleh tahu berapa bajet *nak* [hendak] letak, siapa pelakon yang *nak* [hendak] letakkan, bila *nak* [hendak] *start shooting* [mula penggambaran], siapa *target audience* *you* [sasaran penonton anda] kan. *Tapi* [tetapi] *as a* [sebagai] penerbit pada asal-asal nya, *you* [awak] *nak* [hendak] kena faham, *you* [awak] *nak* [hendak] nyatakan, tentukan dulu cerita apa yang *you* [awak] *nak* [hendak] buat.

NM : **Apakah bezanya menerbitkan sesebuah rancangan berbentuk rakaman dan rancangan secara live (langsung)?**

TAI : Macam mana, *apa ya* [tabiat percakapan]? Yang *live* [langsung] *tu* [itu] secara teruslah kan, *tapi* [tetapi] jarang *lah* [tabiat percakapan], penerbit macam saya jarang la *nak* [hendak] buat rakaman. Kita jarang *dah nak* [sudah hendak] buat *live* (secara langsung). *Live* [secara langsung] *tu* [itu] selalunya stesen *TV* [televisyen] yang akan buat. Pasal kita tidak ada kemampuan, *nak* [hendak] buat

menerbit sesebuah rancangan *live* [secara langsung] *tu* [itu] kos dia amat tinggi.

Maknanya stesen *TV* [televisyen] yang buat, kita penerbit biasa *tak* [tidak] buat.

NM : **Pada pendapat tuan, rancangan yang manakah yang memberi kepuasan kepada tuan? Rakaman ke? Siaran langsung ke?**

TAI : Bergantung kepada jenis cerita *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan]. Bergantung kepada genre cerita itu sendiri. Kalau macam rakaman, kalau genre *tu* [itu] menarik *tak* [tidak] kira rakam *live* [secara langsung] ke apa. Bagi saya, saya *tak* [tidak], *tak* [tidak] rakaman atau *live* [secara langsung] *tak* [tidak] mempengaruhi sangat *la* [tabiat percakapan]. Sebab bagi saya, kalau *live* [secara langsung] *tu* [itu] sekadar tangkap muat pun apa guna. *Live* [secara langsung] *tu* [itu] *is the matter of technical method* [adalah soal kaedah teknikal] *aje* [sahaja] untuk di siar, dipancarkan ke kaca *TV* [televisyen], dia bukan penentu sebuah karya yang baik atau tidak.

NM : **Proses-proses awal untuk menerbitkan rancangan yang berbentuk rakaman dan secara langsung? Apakah proses awal?**

TAI : Proses awal? Semua daripada idea dan skrip *jugak* [juga] (ketawa). Yang lain semua teknikal. Kalau *you* [awak] *nak* [hendak] contoh teknikal, berjela-jela *lah kan* [tabiat percakapan]. Memanglah berbeza rakaman tetapi (getaran telefon) sebagai kalau penerbit macam kita katakan, di anugerah, kita kena tahu slot kita apa, dan kita kena tahu cerita kita apa dulu. *So* [Jadi], saya selalu *emphasizes* [menekankan], pasal yang lain *is on technical* [adalah teknikal]. Orang *takkan*

[tidak akan] faham, kalau kita *nak* [hendak] cerita teknikal kena ada berapa banyak kamera, kena *shoot* [rakam], kena ada *pro event* [acara professional], kena ada itu, kena ada ini, kena ada *rehearsal* [latihan], kena ada semua *tu* [itu], tapi bagi saya awal-awal kita bermula, *you* [awak] kena faham apa slot yang *you* [awak] *nak* [hendak] main, apa *game* [permainan] yang *you* [awak] *nak* [hendak] main dan apa cerita yang *you* [awak] *nak* [hendak] buat. *That is* [inilah] proses awal. *Then* [Kemudian], rakam secara rakaman atau *live* [secara langsung] itu adalah cuma teknikal sahaja. Dia bukan penentu sebuah karya itu.

Bukan.

NM : Berapakah kos atau bajet yang diperlukan ketika nak (hendak) menerbitkan sesebuah filem?

TAI : Filem sekarang *dah* [sudah] *average* [average], *you look* [awak tengok] sekarang pun *one point five million* [satu mata lima juta] semua *all in promotion* [semua dalam promosi]. Tapi kita ada *jugak* [juga] filem yang pernah mencecah sampai *dua puluh* [20] juta *kan* [tabiat percakapan]. Ada *jugak* [juga] macam Puteri Gunung Ledang, sampai *lapan* [8] juta pun ada, Merong Mahawangsa, ada lah *big-big* [besar] filem. Tapi *that is consider special case* [yang menganggap kes istimewa] la, *dorang ni* [mereka semua ini] memang sempoi lah. Tapi normal *mass producer* [pengeluar besar-besaran] yang ada *one point two, one point five, two million* [1.2, 1.5, 2 juta] tu *range-range* [purata] yang *normal producer* [pengeluar biasa] akan pakai.

- NM : **Bagaimana pula dengan drama?**
- TAI : Drama bergantung kepada slot. Kalau cerekarama lain bajet dia, kalau episod lain bajet dia *kan* [tabiat percakapan]. Tapi dia *ranges* [julat] dia daripada *lapan puluh* [80] ribu akan pergi sampai *lapan ratus* [800] ribu pun boleh bergantung pada slot kan.
- NM : **Adakah bajet juga memainkan peranan yang penting, dalam menerbitkan sesebuah rancangan yang berkualiti?**
- TAI : Bajet itu akan memainkan peranan yang penting bergantung kepada apa benda, apa target you. *For example* [contohnya], macam saya, katakan kalau *you target* [sasaran anda] untuk buat benda untuk *special* [istimewa] slot yang besar *of course* [sudah tentu] bajet itu harus lebih besar. Macam kita *nak* [hendak] buat *special* [istimewa] telemovies, dia tidak macam bajet lain, kerana bajet itu adalah penentu, penentu untuk kita melaksanakan sebuah karya itu. Lagi rendah, lagi tinggi bajet, lagi sedap lah kita main. *Itu lah* [tabiat percakapan] dia. Bajet *is not* [bukan], tapi ia *just* [hanya] adalah apa *ni* [ini] orang kata, *monetary* [kewangan] punya *value* [nilai] yang harus kita ambil *take* [ambil], apabila kita *nak* [hendak] buat, tetapi dia bukanlah penentu bahawa filem yang berbajet besar itu mempunyai *content* [kandungan] yang lebih sedap atau elok daripada filem yang bajet kecil. Dia bukan penentu, ada ketikanya filem bajet kecil pun atau drama bajet kecil pun lebih *ok* [tabiat percakapan], sedap. Dia cuma lebih, lebih macam saya cakap teknikal, wajahnya. Kita boleh meletupkan kereta, kita boleh buat, tapi sama ada dia *continue* [bersambung] pada cerita *that is*

subjective [yang subjektif].

NM : **Kriteria yang penerbit ambil kira untuk mengambil seorang artis?**

TAI : *Firstly* [Pertama], kita tahu watak lah. Kita *nak* [hendak] ambil artis *tu* [itu] kita tahu artis itu sesuai atau tidak dengan watak yang *nak* [hendak] ditawarkan. Watak paling penting. *Then* [kemudian], bru kita *list down* [senaraikan]. Selalunya satu watak kita akan letak *at least* [sekurangnya] tiga nama artis. Lepas *tu* [itu] baru kita akan pergi *contact* [hubungi] artis *tu* [itu] tengok dia ada masa *free* [lapang], dia *nak tak* [hendak tidak] bajet kita, *tu* [itu] benda lain. Tapi yang *first benchmark* [penanda aras pertama] dia ialah, kita kena tahu dia sesuai *ke tak* [atau tidak] dengan watak *tu* [itu].

NM : **Bagaimana rating (kedudukan) atau sambutan yang diterima penonton untuk penerbitan rancangan yang pertama dahulu?**

TAI : Macam mana? Alhamdulillah. Saya, *tu* [itu] *lah* [tabiat percakapan] saya kata, dulu filem pertama saya, *TV* [televisyen] pertama saya mendapat sambutan yang amat mengalakkan. Macam saya apabila saya jadi penerbit, dua masa ketika *tu* [itu] sebagai pengarah, *dah* [sudah] ada nama *dah* [sudah], saya *dah* [sudah] ada *follower* [pengikut] saya sebagai pengarah. Jadi, Alhamdullilah bila saya buat apa-apa benda, *rating* [kedudukan] dia amat memberangsang mengalakkan, dan kalau *you* [awak] *nak* [hendak] tahu *rating* [kedudukan] itulah penentu *you* [awak] punya *timeline* [garis panduan], *lifeline* *you* [talian hayat anda] dalam industri hari ini. Kalau *you* [awak] menerbit atau *you* [awak] mengarah benda

yang tak [tidak] ada *rating* [kedudukan], lepas ni stesen *TV* [televisyen] *tak* [tidak] panggillah *you* [awak]. Tapi kalau *you* [awak] tengok yang lama-lama *tu* [itu] sampai lama maknanya produknya setiap produknya mendapat tempat, mendapat *rating* [kedudukan]. Sebab *tu TV* (itu televisyen) stesen sentiasa bagi kita projek kan.

NM : **Apakah perasaan tuan ketika itu?**

TAI : Seperti yang saya *cakap la* [tabiat percakapan], *of course la that is something* [sudah tentu la ia sesuatu] benda yang kita rasa *achievement* [pencapaian] *la* [tabiat percakapan]. Satu yang saya rasa berbangga dengan *achievement* [pencapaian] kita kerana *nak* [hendak] memberi sesuatu naskah atau menerbit sebuah naskah (*bunyi loceng*) yang diterima orang adalah satu benda yang bukan mudah. Kita ada berapa juta orang *kan* [tabiat percakapan]. Jadi berapa ramai, kita *nak* [hendak] dapatkan orang yang minat *tu* [itu] berapa ramai *je* [tabiat percakapan] yang boleh minat kan. Mak ai berapa ratus soalan lagi ni. (ketawa).

NM : **(Ketawa) *ada lah* [tabiat percakapan]. Sikit lagi. Apakah tuan rasa, bidang penerbitan ini adalah bidang yang paling tuan minati?**

TAI : Ini bukan masalah minat. Penerbitan *is the business* [ialah bisnes]. Minat *tu* [itu] adalah apa *ni* [ini], asalnya ialah *you* [awak] kena minat dalam industri seni, karya seni *you* [awak] kena minat. Bila menjadi seorang penerbit, *it's all about business* (ianya semua tentang bisnes). *It's nothing to do about* [tidak ada apa-

apa yang dapat dilakukan] minat ke apa. Kerana setiap orang kena ada *goal* [matlamat] dalam *life* [hidup] dia. *It's not about* [ia bukan tentang] minat. Minat *tu* [itu] harus ada daripada asal tetapi apabila *nak* [hendak] jadi seorang penerbit *tu* [itu] dia *dah* [sudah] ada satu tanggungjawab yang berbeza, dan setengah orang betul, kalau *you* [awak], sebab-sebab bahaya nya lah bila *you* [awak] buat minat sebagai penerbit, kalau *you* [awak] *tak* [tidak] pakai duit sendiri *tak* [tidak] apa, kalau *you* [awak] pakai duit orang, *you* [awak] *nak* [hendak] menerbit pakai duit orang, *investor and then you* [pelabur dan kemudian anda] buat benda-benda yang karya yang *you* [awak] minat, jadi *you* [awak] syok sendiri, filem tak laku, *investor you* [pelabur awak] akan tanggung hutang.

NM : Adakah tuan hanya terlibat dalam menerbitkan rancangan-rancangan berbentuk hiburan sahaja ataupun ada menerbitkan program-program lain?

TAI : Ada. Program orang kahwin pun kitorang buat. Bagi kita, bila *you talk about business* [bercakap pasal bisnes] apa-apa yang kena dengan visual punya *shooting* [rakaman], *all we do* [semua yang kita buat], *corporate video* [video korporat], dokumentari, *everything* [semua] kita buat semua, *event* [majlis].

NM : Bagaimana tuan mendapatkan ilham untuk menerbitkan rancangan yang baru?

TAI : Sometimes [kadang-kadang] benda *tu* [itu] yang perlu kita pertimbangkan. Kadang-kadang kita, bila kita duduk dalam industri *ni* [ini], kita kena pergaulan

kita, borak, bacaan, *paper* [kertas], benda *tu* [itu] lah. Pasal bila kita *dah* [sudah] letak kita sebagai orang seni, ilham *tu* [itu] adalah memang kita punya permainan hari-hari. *You will have to search* [anda perlu mencari], kita kena *deep* [dalam] kena mencari benda *tu* kan.

NM : Apakah penghayatan yang perlu ada untuk menerbitkan sesebuah rancangan?

TAI : Sebagai penerbit, kalau ikutkan penerbit kan, penghayatan *tu* [itu] bukan kerja dia (ketawa). Dia cuma kena bagi arah tuju dan target apa yang dia *nak* [hendak], dan dia akan *spin* [hantar] kepada pengarah, pengarah kena fikir lagi benda-benda *ni* [ini] lebih mendalam. Penerbit, *tu* [itu] saya kata, *when we talk about business as a* [apabila kita bercakap mengenai perniagaan sebagai] penerbit, *you have more other thing* [anda mempunyai lebih benda lain] nak [hendak] fikir tentang karya sahaja, Cuma *you* [awak] kena tahu, tapi bukan *you* [awak] yang buat. Tapi setengah penerbit yang cuba untuk masuk karya, sebab *tu* [itu] hancur *tu* [itu]. Saya ni [ini] bukan orang seni, tapi kalau *nak* [hendak] sibuk bercerita pasal karya kan, *tak* [tidak] boleh. Karya *tu* [itu] kena letak pada orang kreatif. Penerbit harus *plan* [rancang] pada orang kreatif, melainkan penerbit itu sendiri orang kreatif. Lain cerita *lah* [tabiat percakapan].

NM : Dalam banyak-banyak rancangan yang diterbitkan, yang mana satu rancangan yang paling terbaik buat tuan?

TAI : Susah *nak* [hendak] cakap *lah* [tabiat percakapan]. Alhamdullilah setakat ini

every year [setiap tahun] kita ada lah, kita ada macam sirila. Bagi saya Excellent Pictures kita selalu *plan as a* [rancang sebagai] siri la siri (bunyi loceng), antara siri kita Niyang Rapik, memek la, siri-siri aksi kan semua kita memang kita target la. (minum teh).

NM : **Bagaimana cara seorang penerbit mengatasi masalah yang berlaku semasa dalam rakaman?**

TAI : Penerbit selalunya dia masalah yang dia akan campur tangan apabila kewangan *je* [sahaja]. Kalau boleh belai, selalunya dia akan bekerja rapat dengan pengarah. Pengarah yang sebenarnya lagi mempunyai tanggungjawab yang besar dekat set, selagi *tidak* [tidak] *touch* [sentuh] tentang kewangan, tentang apa semua, penerbit artis selalunya dia akan serahkan kepada pengarah untuk selesaikan, kerana pengarah ada cara-cara tersendiri mengendalikan lokasinya. (bunyi loceng).

NM : **Boleh tuan berikan perbezaan antara rancangan hiburan dan bual bicara?**

TAI : (Muka blur). Perbezaan yang macam mana *tu* [itu]? Itu sendiri *dah* [sudah] berbeza (ketawa). Hiburan dan bual bicara sendiri *dah* [sudah] tahu beza. Apa yang *nak* [hendak] tahu bezanya. Beza dia beza lah. *Tu* [itu] la beza dia, apa lagi. Hiburan orang tengok untuk apa? Untuk berhibur. Bual bicara orang *nak* [hendak] tengok untuk apa? Orang *nak* [hendak] dapatkan maklumat, informasi ke apa kan. Program itu sendiri pun *dah* [sudah] berbeza (ketawa).

NM : Apakah rancangan-rancangan yang paling sukar diterbitkan?

TAI : Rancangan paling sukar? Setakat saya Alhamdulillah lah. Setakat ini kalau *nak* [hendak] cakap *tak* [tidak] ada rancangan yang paling sukar, *live* [siaran langsung] ke *tak* [tidak] *live* [siaran langsung] ke saya *tak* [tidak] ada masalah, kerana macam saya kata *lah* [tabiat percakapan], ilmu kita dalam industri ini kita bina daripada awal. Jadi kita punya pengalaman dalam industri ini sudah meluas, *tak* [tidak] kira *lah* [tabiat percakapan] apa *shoot* [rakaman] pun kita *tak* [tidak] ada masalah. Masalah kita kewangan.

NM : Kalau diberi peluang, rancangan berbentuk bagaimanakah yang tuan ingin terbitkan, selain daripada rancangan yang sedia ada yang tuan terbitkan?

TAI : Saya sebenarnya saya rancangan bukan isu sangat lah. Saya mendapat isu kepada apa *ni* [ini] saya punya *return of investment* [pulangan pelaburan]. Sebagai penerbit saya selalu letak rancangan itu harus *comply* [mematuhi] dengan my ROI [Return of Investment] lah. Pulangan dalam pelaburan. Kalau itu saya selalu, sebab *tu* [itu] letakkan buat filem sebagai *priority* [keutamaan], saya drama *ni* [ini] saya *dah* [sudah] letak *priority* [keutamaan] kedua *dah* [sudah]. Saya *tak* [tidak] letak sebagai *priority* [keutamaan] kerana saya *nak* [hendak] menerbitkan sebanyak mungkin filem kerana filem itu adalah aset saya, hak saya, karya saya. Kalau drama selalu stesen TV [televisyen] akan ambil.

NM : Adakah setiap rancangan yang diterbitkan itu perlu dibuat kajian terlebih dahulu?

TAI : Perlu. *takda* [tidak ada] *tak* [tidak] boleh membabi buta *je* [sahaja] buat. (ketawa).

NM : Dimana kekuatan sesebuah rancangan itu? Adakah dari konsep, isi, shoot-shoot (rakaman-rakaman) menarik atau artis yang ditampilkan atau sebagainya?

TAI : Dia asal kena kepada konsep. Konsep kena kuat. Yang lain *tu dah* [itu sudah] akan *plant together* [merancang bersama]. Kalau konsep lemah, tapi *tak* [tidak] ada mengatakan bahawa kalau satu konsep yang lemah, kalau kita dengan bantuan artis-artis yang hebat apa semua, kadang-kadang dia boleh terbalik, dia boleh *spin* [putar], jadi benda yang bagus juga. Ada setengah *tu* [itu] garapan pun lemah, tetapi permainan artis *tu* [itu] kuat, dengan *storyline* [patah cerita] yang kuat, ia pun boleh jadi bagus, *very subjective* [sangat subjektif].

NM : Berapa lamakah tempoh untuk menyiapkan rancangan berbentuk rakaman?

TAI : Rakaman? Bergantung macam tadi *la* [tabiat percakapan], kalau drama lain lah, episod lain, bual bicara lain, dia bergantung lah, telemovie lain termasuk lapan hari, dua belas hari, sebulan, dia bergantung lah. Dia bergantung pada slot.

NM : Adakah tuan berpuas hati dengan pencapaian penerbitan sekarang?

TAI : Kalau kita *tak* [tidak] berpuas hati, kita *tak* [tidak] reti bersyukur kan. Bagi saya, saya *tak nak* [tidak mahu] letakkan puas hati sebagai *statement* [kenyataan] lah. Saya lebih kata saya bersyukur dengan apa yang saya *achieve* [capai] kerana, tapi dalam diri saya, saya merasakan bahawa jauh lagi perjalanan-perjalanan untuk kita sebagai tanggungjawab penerbit dalam industri perfileman di Malaysia ini, kerana hari ini isu ialah peluang pekerjaan. Ramai pelajar-pelajar belajar dalam kreatif industri punya *ni* [ini], tetapi penghujungnya mereka susah *nak* [hendak] masuk industri (bunyi loceng), susah.

NM : **Sebagai seorang penerbit, adakah ditetapkan sasaran untuk menerbitkan rancangan bagi setiap tahun?**

TAI : *Tak* [tidak], *Tak* [tidak] ada. Dia bergantung, itu adalah kata bisnes modul sesebuah syarikat lah bergantung, berbeza.

NM : **Pada pendapat tuan, apakah impaknya rancangan berbentuk patriotik kepada penonton?**

TAI : Patriotik? Ha? Macam mana? *Tak* [tidak] faham...Berbentuk patriotik kepada penonton? Dia setiap, bukan kata patriotik *je* [sahaja], semua rancangan ada impak kepada penonton, yang paling penting adalah target penonton *ni* [ini] adalah siapa. Macam setengah orang sibuk *nak* [hendak] suruh buat rancangan patriotik, sedangkan hari *ni* [ini] kita tahu kebanyakannya filem-filem atau cerita-cerita patriotik *tak da* [tidak ada] orang tengok pun sangat. (ketawa) So [Jadi], yang pentingnya ialah bila kita *nak* [hendak] buat satu rancangan *tu* [itu],

kita kena tahu *target audience* [sasaran] kita macam mana dan kita *as a* [sebagai] filem *maker* [pembuat] penerbit, kita *tak* [tidak] kisah cerita apa pun boleh kita buat, tapi *at the end of the that* [pada akhir yang], dalam masa yang sama, bukan penerbit yang menentukan sebuah cerita, penentu ke apa, kadang-kadang *dorang* meletakkan penerbit *ni* [ini] macam tugas kita *dah* [sudah] macam lecturer dah. Buat filem yang supaya orang boleh belajar, orang boleh itu, orang boleh *ni*, sedangkan *we have know, we are a businessman* [kita tahu, kita adalah seorang ahli perniagaan], kita adalah ahli perniagaan yang mana mencari ruang dan peluang untuk kita bermiaga. Filem itu adalah kita buat, pasal kita ada tiga puluh juta rakyat Malaysia, kita *tak* [tidak] semua orang akan minat patriotik, *tak* [tidak] semua orang minat cinta, *tak* [tidak] semua orang minat aksi, jadi kalau aksi kita tahu, siapa yang minat *tu* [itu], *tu* [itu] adalah *target audience* [sasaran] kita. Macam cerita patriotik *tu* [itu] dia bergantung, kepada penonton yang minat akan minat lah. Tapi kalau *tak* [tidak] ada apa *ni* [ini] penonton, sebagai penerbit jarang *nak* [hendak] buat.

NM : Apakah nilai sesebuah rancangan itu?

TAI : Nilai? Nilai *tu* [itu] bagi saya nilai *tu* [itu] terletak kepada penonton, bukan terletak pada penerbit. Nilai *tu* [itu] lain. Nilai *tu* [itu] *dorang* [mereka semua] yang tentukan, kadang-kadang filem yang kos nya sampai dua [2] juta, tiga [3] juta kalau penonton tengok dan menilai seratus ringgit [RM100], seratus ringgit [RM100] la nilai dia. Tapi kalau setengah filem yang harga seribu ringgit [RM1000], *short movie* [filem pendek], tapi orang tengok nilai dia jadi satu [1]

juta, satu [1] juta lah. Nilai adalah subjektif. Dia bergantung macam individu terletak pada individu.

NM : Adakah badan-badan atau persatuan yang diwujudkan untuk penerbit-penerbit?

TAI : Ada. Di bawah penerbit kita ada PFM [Persatuan Penerbit Malaysia], Penerbit Filem Malaysia lah. Bawah *TV* [televisyen] kita ada PPTM [Persatuan Penerbit TV Malaysia].

NM : Boleh tuan ceritakan serba sedikit tentang rating (kedudukan) penonton dalam setiap rancangan televisyen?

